

21 JUL 2002

Mahathir-Kempen

KERAJAAN KAJI PERKENALKAN PERATURAN BERKEMPEN

JITRA, 21 Julai (Bernama) -- Kerajaan mungkin akan mengkaji untuk memperkenalkan peraturan kepada parti politik yang bertanding pada pilihan raya untuk tidak menggunakan pendekatan berkempen yang mengelirukan dan tidak mengikut peraturan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Di satu pihak, kerajaan mungkin akan kaji. Tetapi di satu pihak yang lain, kita sendiri kena buat kerja untuk menerangkan kepada rakyat," katanya pada sidang media di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena Konvensyen K3P peringkat kebangsaan di padang Institut Latihan Perindustrian Jitra, di sini.

Beliau berkata kerajaan kecewa kerana pihak yang membuat perkara baik ditolak tetapi pihak yang membuat perkara yang tidak baik dipilih.

"Apa yang kita buat sebagai kerajaan yang tidak baik, selain daripada fitnah yang dilemparkan kepada kita? Tunjukkanlah apa yang tidak baik yang kita buat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta menggulas mengenai insiden yang dicetuskan pembangkang dan kempen tidak mengikut peraturan semasa pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit yang hari pengundiannya Khamis lepas.

Ekoran daripada itu, beberapa pihak mencadangkan Suruhanjaya Pilihan Raya memperketatkan peraturan tertentu ketika berkempen semasa pilihan raya.

Perdana Menteri berkata kerajaan terpaksa menentukan sama ada parti pembangkang melanggar undang-undang atau tidak sebelum mengambil tindakan tegas.

"Bukan kita (kerajaan) hendak tentukan hukuman tetapi ia diputuskan oleh hakim. Kalau kita tidak dapat beri bukti yang terang dan jelas, orang ini akan terlepas dan menjadi lebih teruk," katanya.

Dr Mahathir berkata sebab itu kerajaan harus mengetahui undang-undang mana yang bersesuaian sebelum mengambil sebarang tindakan.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata rakyat masih terpengaruh dengan dakwah PAS walaupun kerajaan berusaha memberi penerangan apa yang betul dan apa yang tidak betul.

Katanya keadaan itu berlaku kerana tindakan PAS yang telah "membasuh" minda masyarakat termasuk di peringkat tadika lagi.

"Bila mereka jadi dewasa, mereka tidak dapat buat keputusan mana yang betul. Itu sebab penting kepada kerajaan untuk memberi pendidikan kepada orang ramai supaya mereka dapat menolak yang mana tidak baik," katanya.

Mengenai dakwaan PAS bahawa parti itu terus mendapat sokongan pengundi berdasarkan keputusan pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit, Dr Mahathir berkata PAS boleh mendakwa apa sahaja.

"Hakikatnya PAS hanya berjaya merendahkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu," katanya.

Beliau berkata Barisan Nasional terpaksa bekerja lebih kuat untuk membetulkan situasi itu.

Mengenai dakwaan PAS yang media arus perdana tidak memberi ruang kepada mereka, Perdana Menteri berkata media parti itu sendiri pun tidak pernah memberi ruang kepada kerajaan.

"Harakah tidak pernah memberi apa-apa liputan yang baik kepada BN dan diri saya sendiri. Kenapa pula PAS minta akhbar perdana beri liputan kepada mereka," katanya.

Sebaliknya beliau berkata akhbar dan televisyen ada juga memberi liputan kepada parti itu semasa kempen pilihan raya kecil lepas.

Adalah menjadi kebiasaan kepada mana-mana negara ada akhbar yang pro dan anti kerajaan, katanya.

Dr Mahathir berkata Umno Kedah telah bekerja keras bagi memastikan kemenangan BN di kedua-dua kawasan itu tetapi beberapa tindakan pembangkang seperti menghimpunkan penyokongnya di pusat pengundian telah menakutkan pengundi.

"Polis sendiri pun tidak menyangka yang PAS akan membawa sebegitu ramai penyokongnya ke pusat pengundian," katanya.

-- BERNAMA

MAN MZM JM RON